KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMAKANAN

# PANDUAN

# Penapisan Bahan Maklumat, Label Produk Tersenarai dan Makanan Pelengkap

## TATA ETIKA PEMASARAN MAKANAN BAYI DAN PRODUK BERKAITAN

November 2021

KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

HAK CIPTA TERPELIHARA © KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

**2021**

ISBN 978-967-19598-8-6

978967195988 6

DITERBITKAN OLEH

BAHAGIAN PEMAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 1, BLOK E3, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA, MALAYSIA

**TEL :** 603-8892 4556 **FAKS :** 603-8892 4511
LAMAN WEB: http://nutrition.moh. gov. my/

## ISI KANDUNGAN


| Bil. | Perkara | Muka surat |
|---|---|---|
| 1 | Pengenalan | 5 |
| 2 | Tujuan | 5 |
| 3 | Definisi | 6 |
| 4 | **Perkara 6.1** Panduan Umum Bagi Bahan Maklumat | 9 |
| 5 | **Perkara 6.2** Penapisan Bahan Maklumat dan Label Berkaitan Produk Tersenarai | 14 |
| 6 | **Perkara 6.3** Label Rumusan Bayi, Rumusan Susulan dan Rumusan Khas | 16 |
| 7 | **Perkara 6.4** Bahan Maklumat dan Label untuk Produk Makanan Pelengkap | 23 |
| 8 | **Perkara 6.5** Pelabelan Bagi Botol Susu, Puting Susu dan Puting Kosong | 25 |
| 9 | Senarai Semak | 26 |
| 10 | Carta Alir Proses Penapisan | 30 |
| 11 | Pertanyaan | 32 |


**PENAFIAN**

Panduan ini tidak terikat kepada mana-mana perundangan. Ia tidak boleh menggantikan mana-mana Peraturan atau Garis Panduan yang diguna untuk mengawal produk makanan di Malaysia.

## PENGENALAN

Matlamat keseluruhan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan (TEPMBDPB) ini adalah untuk mempertahankan keunggulan susu ibu; dan membantu dalam pemakanan bayi yang selamat dan optima melalui perlindungan, penggalakan dan sokongan penyusuan susu ibu; dan memastikan penggunaan produk-produk tersenarai (rumusan bayi, rumusan susulan, rumusan khas, botol susu, puting susu dan puting kosong) serta makanan pelengkap yang betul.

Semua bahan maklumat dan label produk tersenarai dan makanan pelengkap perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Penapisan TEPMBDPB untuk kelulusan.

## TUJUAN

Tujuan utama panduan ini adalah:

**01** Untuk menjelaskan perkara-perkara di bawah Perkara 6 Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan.

**02** Untuk memastikan pihak pengilang dan pengedar produk tersenarai dan makanan pelengkap bertanggungjawab mematuhi keperluan TEPMBDPB ini dalam usaha untuk melindungi amalan penyusuan susu ibu dan tidak mengelirukan pengguna.

**03** Sebagai rujukan kepada pihak industri dan pegawai di lapangan yang menjalankan aktiviti pemantauan TEPMBDPB.

## DEFINISI

**Anggota kesihatan** bermaksud jururawat, pembantu hospital, pembantu perubatan, bidan, pegawai katering atau pekerja lain yang bekerja di dalam sistem penjagaan kesihatan.

**Bayi** bermaksud seseorang yang berumur hingga dua belas (12) bulan.

**Botol Susu** bermaksud alat yang digunakan untuk memberi cecair kepada bayi. Ia terdiri daripada puting serta bekas untuk menakung cecair tersebut.

**Gambar Bungkusan** bermaksud sebarang perlambangan produk tersenarai atau produk makanan pelengkap sama ada melalui gambar foto atau lukisan grafik.

**Iklan** bermaksud sebarang perlambangan dengan apa jua cara sekalipun (bertulis, audio, visual atau elektronik) bagi tujuan menggalakkan, sama ada secara langsung atau tidak, penjualan atau pembelian sebarang produk tersenarai, termasuk tetapi tidak terhad kepada cara-cara dan alat-alat berikut: cakera padat, telekomunikasi, notis, kenyataan akhbar, pekeliling, laporan, ulasan, risalah, alat tulis (contoh: pen dan kertas tulis), pad tetikus, poster, label, pembalut, pelekat, penanda buku, shelf-talker, katalog, majalah, alat permainan, risalah ringkas yang terdapat pada tin, pad (pad tulis, pad nota, pad preskripsi), kad dan surat (contoh: surat pengumuman, imunisasi, ucapan tahniah, maklumat pengenalan dan perhubungan), kalendar, jam, diari, lanyard, lencana, sepanduk, pin kolar, pin tali leher, tin palsu, papan tanda kedai, notis pada kenderaan, papan iklan, cenderahati korporat dan kaedah-kaedah lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan.

**Label** termasuk sebarang penanda, jenama, tanda, gambar atau huraian yang ditulis, dicetak, ditanda, distensil, dimohor atau dicap dan didapati terlekat, kepunyaan atau mengiringi sebarang produk tersenarai atau produk makanan pelengkap.

**Makanan Bayi** bermaksud rumusan bayi, rumusan susulan, rumusan khas dan makanan yang dipasarkan untuk bayi sehingga umur enam bulan serta makanan pelengkap.

**Makanan Pelengkap** bermaksud produk makanan komersil yang dibungkus dan dipasarkan sebagai makanan bayi dari umur 6 bulan termasuk tetapi tidak terhad kepada makanan dalam tin/botol, makanan berasas bijirin, biskut, jus dan teh.

**Produk Berkaitan** bermaksud botol susu, puting susu dan puting kosong.

**Produk Tersenarai** bermaksud:

a. rumusan bayi (bagi bayi berumur 0-12 bulan) termasuk rumusan sedia diminum;
b. rumusan susulan (bagi bayi 6 bulan hingga 3 tahun) termasuk rumusan sedia diminum;
c. rumusan khas (rumusan bayi atau susulan bagi keperluan dietari atau perubatan yang khusus) termasuk rumusan sedia diminum;
d. mana-mana produk lain yang dituju atau dipasarkan bagi pemakanan bayi sehingga umur 6 bulan;
e. botol susu;
f. puting susu dan puting kosong

**Profesional Kesihatan** bermaksud pentadbir hospital, doktor perubatan, pegawai pemakanan, pegawai teknologi makanan, pegawai dietetik, pegawai farmasi, pegawai pendidikan kesihatan, pekerja sosial perubatan dan penyelia jururawat (atau gelaran yang lain) yang bekerja di dalam sistem penjagaan kesihatan.

**Promosi** bermaksud sebarang kaedah penggalakan jualan, sama ada secara langsung atau tidak, termasuk tetapi tidak terhad kepada jualan murah, tawaran, bekalan kos rendah atau percuma, derma, skim penebusan, cenderahati sama ada berkaitan pembelian atau tidak, peralatan percuma, hadiah, beg bimbit yang memaparkan gambar bungkusan atau lambang produk, kupon diskaun, pampangan khas di pusat jualan atau pemberian percuma yang lain.

**Puting Kosong** bermaksud puting yang bertujuan untuk membolehkan bayi menghisap tanpa tujuan memberi makanan.

**Puting Susu** bermaksud sebahagian botol susu atau alat penyusuan lain yang bertujuan membolehkan bayi menghisap cecair.

**Rumusan Bayi** hendaklah apa-apa makanan yang diperihalkan atau dijual sebagai alternatif kepada susu ibu bagi makanan bayi. Ia hendaklah hasil yang disediakan dari susu lembu atau lain - lain binatang, atau lain-lain bahagian binatang yang boleh dimakan atau kedua-duanya, termasuk ikan, atau dari tumbuhan yang sesuai untuk makanan bayi. Ini termasuk rumusan sedia diminum.

**Rumusan Khas** bermaksud suatu rumusan yang diproses atau dirumuskan khas bagi memenuhi keperluan diet yang spesifik dan diakui timbul kerana sesuatu gangguan fizikal atau fisiologi atau kedua-duanya sekali. Contoh termasuk, tetapi tidak terhad kepada rumusan bagi bayi pramasa, bayi rendah berat lahir, hipersensitiviti susu lembu, kekurangan toleransi terhadap karbohidrat dan gangguan metabolik lain. Jenis rumusan ini juga merangkumi rumusan sedia diminum.

**Rumusan Sedia Diminum** bermaksud rumusan bayi, rumusan susulan atau rumusan khas yang disediakan secara komersil dalam bentuk cecair yang terdapat di dalam botol pakai-buang, tetrapek atau pembungkusan lain.

**Rumusan Susulan** bermaksud makanan yang bertujuan digunakan sebagai bahagian cecair diet bercerai susu untuk bayi berumur enam bulan ke atas dan kanak-kanak kecil. Ia adalah keluaran yang disediakan daripada susu lembu atau haiwan lain atau bahagian lain yang berasal daripada haiwan atau tumbuhan, yang telah terbukti sesuai untuk bayi berumur enam bulan ke atas dan bagi kanak-kanak kecil. Ini termasuk rumusan sedia diminum.

**Sistem Penjagaan Kesihatan** bermaksud institusi kerajaan, bukan kerajaan atau swasta ataupun organisasi dan persatuan yang terlibat, secara langsung atau tidak, dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan atau latihan dan pendidikan bagi golongan profesional dan kakitangan kesihatan.

## PERKARA 6.1 PANDUAN UMUM BAGI BAHAN MAKLUMAT

Semua bahan maklumat berkaitan dengan produk tersenarai dan makanan pelengkap hendaklah mematuhi Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Perihal Perdagangan 1972 dan Akta Kawalan Harga 1946.

Bahan-bahan ini perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Penapisan untuk diberi kelulusan di bawah Tata Etika ini.

**(6.1.11)** Maklumat faktual dan saintifik yang telah ditapis dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penapisan adalah bertujuan untuk diberi kepada profesional kesihatan dan anggota kesihatan sahaja dan bukannya untuk diedarkan kepada orang awam.

**(6.1.1)** Profesional Kesihatan boleh menerima bahan maklumat berkaitan:
- a. produk tersenarai
- b. makanan pelengkap

**(6.1.2)** Anggota kesihatan lain hanya boleh menerima bahan sedemikian melalui profesional kesihatan atau dalam mesyuarat saintifik.

**(6.1.3)** Penggunaan bahan-bahan maklumat tersebut untuk mempromosikan produk tersenarai adalah tidak dibenarkan.

**(6.1.12)** Bahan maklumat dan pendidikan lain yang berkaitan dengan produk-produk yang tersenarai yang ditujukan kepada wanita hamil, ibubapa kepada bayi dan kanak-kanak kecil serta ahli keluarga mereka adalah tidak dibenarkan.

**(6.1.13)** Kelulusan yang diberi oleh Jawatankuasa Penapisan adalah tertakluk di bawah peruntukan yang diberi dalam Tata Etika ini dan kelulusan tersebut hendaklah dipaparkan pada bahan maklumat serta label.

## TUJUAN PENGHASILAN BAHAN MAKLUMAT:

1. Edaran kepada profesional kesihatan di fasiliti kesihatan
2. Edaran/ kegunaan di majlis saintifik
3. Terbitan dalam majalah untuk profesional kesihatan
4. Lain-lain

## CONTOH: KATALOG PRODUK

Perlu mengandungi perkara seperti berikut:




**(6.1.4)** Bahan maklumat berkaitan produk-produk tersenarai hendaklah menumpukan sekurang-kurangnya **suku** daripada kandungan bertulis atau ruangannya kepada pernyataan yang positif tentang penyusuan susu ibu termasuk:

a. pentingnya permulaan awal penyusuan susu ibu dalam tempoh 1 jam selepas kelahiran;
b. faedah penyusuan susu ibu dan keunggulan susu ibu;
c. pemakanan ibu dan pengurusan penyusuan susu ibu;
d. kesan-kesan negatif memperkenalkan penyusuan rumusan bayi secara selangan terhadap penyusuan susu ibu;
e. kesukaran untuk mengubah keputusan untuk tidak mengamalkan penyusuan susu ibu; dan
f. nasihat dan sokongan penyusuan susu ibu untuk ibu-ibu yang bekerja.

**(6.1.5)** Bahan-bahan mengenai penggunaan rumusan bayi, rumusan susulan atau rumusan khas hendaklah mengandungi maklumat tambahan berikut :

a. penggunaan produk-produk tersenarai dengan cara yang betul;
b. implikasi sosial dan kewangan terhadap penggunaannya;
c. bahayanya penggunaan produk dalam keadaan yang tidak perlu atau dengan cara yang tidak betul terhadap kesihatan bayi.

**(6.1.6)** Akuan berkaitan produk hendaklah mencerminkan keutuhan saintifik tanpa membayangkan bahawa sebarang produk adalah ulung, serupa atau setanding dengan susu ibu.

**(6.1.7)** Penyampaian faedah-faedah produk dengan merujuk kepada susu ibu adalah tidak dibenarkan.

**(6.1.10)** Gambar bungkusan produk di dalam bahan-bahan maklumat dan pendidikan boleh dibenarkan dengan kelulusan Jawatankuasa Penapisan.

## CONTOH: ARTIKEL/ JURNAL/ BULETIN

Perlu mengandungi perkara seperti berikut:




**(6.1.4)** Bahan maklumat berkaitan produk-produk tersenarai hendaklah menumpukan sekurang-kurangnya **suku** daripada kandungan bertulis atau ruangannya kepada pernyataan yang positif tentang penyusuan susu ibu termasuk:

a. pentingnya permulaan awal penyusuan susu ibu dalam tempoh 1 jam selepas kelahiran;
b. faedah penyusuan susu ibu dan keunggulan susu ibu;
c. pemakanan ibu dan pengurusan penyusuan susu ibu;
d. kesan-kesan negatif memperkenalkan penyusuan rumusan bayi secara selangan terhadap penyusuan susu ibu;
e. kesukaran untuk mengubah keputusan untuk tidak mengamalkan penyusuan susu ibu; dan
f. nasihat dan sokongan penyusuan susu ibu untuk ibu-ibu yang bekerja.

**(6.1.5)** Bahan-bahan mengenai penggunaan rumusan bayi, rumusan susulan atau rumusan khas hendaklah mengandungi maklumat tambahan berikut :

a. penggunaan produk-produk tersenarai dengan cara yang betul;
b. implikasi sosial dan kewangan terhadap penggunaannya;
c. bahayanya penggunaan produk dalam keadaan yang tidak perlu atau dengan cara yang tidak betul terhadap kesihatan bayi.

**(6.1.6)** Akuan berkaitan produk hendaklah mencerminkan keutuhan saintifik tanpa membayangkan bahawa sebarang produk adalah ulung, serupa atau setanding dengan susu ibu.

**(6.1.7)** Penyampaian faedah-faedah produk dengan merujuk kepada susu ibu adalah tidak dibenarkan.

**(6.1.8)** Maklumat yang tidak berat sebelah dan faktual tentang produk-produk yang tersenarai adalah dibenarkan selagi ia tidak mencabar keunggulan susu ibu. Ilustrasi (jadual, graf, carta, rajah) dan pernyataan-pernyataan perbandingan susu ibu dengan produk yang dipetik dari sesuatu kajian adalah dibenarkan, dengan syarat kajian tersebut dinyatakan sebagai abstrak atau keseluruhannya, dalam bahan pendidikan tersebut.

**(6.1.9)** Penulisan saintifik yang mengandungi maklumat faktual berkaitan pemakanan bayi dan kanak-kanak kecil adalah dibenarkan.

## TAMBAHAN PERKARA BERDASARKAN SENARAI SEMAK:

### PERKARA YANG DIPERLUKAN



i. Semua maklumat kandungan nutrien yang merujuk kepada sesuatu produk yang dinyatakan pada bahan maklumat adalah sama seperti yang terdapat pada label sebenar produk tersebut.

ii. Semua akuan pemakanan yang terdapat pada bahan maklumat adalah akuan yang dibenarkan dibawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 sahaja dan memenuhi syarat yang diperlukan bagi akuan tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab pihak syarikat untuk memastikan kepatuhan tersebut.

iii. Terdapat pernyataan “Untuk Profesional Kesihatan Sahaja” atau *"For Health Professionals Only"* pada setiap muka surat bahan maklumat dan ditulis dengan saiz huruf tidak kurang daripada 10 poin.

iv. Bibliografi bagi semua bahan rujukan yang digunakan dinyatakan dengan lengkap pada bahan maklumat.

v. Nota kaki bagi bahan rujukan pada bahan maklumat dinyatakan dengan jelas secara saintifik dengan menggunakan nombor.

vi. Setiap muka surat bahan maklumat dinomborkan dengan jelas.

## TAMBAHAN PERKARA BERDASARKAN SENARAI SEMAK:

### PERKARA YANG DILARANG



i. Tiada sebarang pernyataan berhubung faedah-faedah produk membanding/ merujuk kepada susu ibu terdapat pada bahan maklumat.

ii. Tidak menggunakan perkataan, grafik atau gambar yang melambangkan gred, kualiti atau keunggulan produk ataupun maksud lain yang sama. [Rujuk m/s 19]

iii. Tiada sebarang gambar, grafik, perkataan atau pernyataan yang mungkin memberi tanggapan keunggulan/ kelebihan/ kualiti produk dinyatakan pada bahan maklumat dalam apa jua cara. [Rujuk m/s 22]

iv. Tidak menggunakan sebarang gambar atau grafik bayi dan bahagian tubuh bayi atau manusia pada bahan maklumat.

v. Bahan ini tidak mengandungi maklumat yang berunsur mempromosikan produk dalam apa jua cara.

vi. Tiada gambar bungkusan produk dipamerkan pada muka surat hadapan bahan maklumat.

vii. Tiada *"step diagram"* dipamerkan pada bahan maklumat ini.

viii. Produk yang dibincangkan dalam bahan maklumat tidak dibandingkan dengan produk-produk tersenarai/ makanan pelengkap dan produk-produk di luar skop Tata Etika keluaran syarikat lain.

## PERKARA 6.2 PENAPISAN BAHAN MAKLUMAT DAN LABEL BERKAITAN PRODUK TERSENARAI (KECUALI BOTOL SUSU, PUTING SUSU DAN PUTING KOSONG)

**6.2.1** Segala bahan maklumat dan pendidikan serta label-label produk tersenarai (kecuali botol susu, puting susu dan puting kosong) hendaklah mematuhi yang berikut:

a. Tujuan dan golongan sasaran perlulah dinyatakan dengan jelas di dalam permohonan.

Contoh:




b. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan satu salinan bahan untuk penapisan dalam bentuk elektronik. Bilangan bahan bercetak yang perlu dikemukakan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penapisan.

c. Semua bahan-bahan penapisan hendaklah "dalam draf terakhir" (dalam cetakan berwarna penuh) sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Penapisan.

d. Semua bahan yang diluluskan hendaklah dicetak sama dengan format, huruf, rekabentuk, perkataan, gaya, susunan dan saiz bersekadar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penapisan.

e. Setiap bahan yang telah ditapis adalah diluluskan di atas kewajarannya sendiri dan tidak ada dua atau lebih bahan yang telah diluluskan itu boleh digabungkan bersama tanpa kelulusan Jawatankuasa Penapisan.

f. Satu salinan akhir bahan yang dicetak hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Penapisan untuk tujuan rekod.

**6.2.2** Bahan-bahan yang telah diluluskan adalah sah untuk tempoh:



**Bahan Pendidikan**
3 tahun




**Label**
4 tahun




**Risalah ringkas / Pelekat**
6 bulan

## PERKARA 6.3 LABEL RUMUSAN BAYI, RUMUSAN SUSULAN DAN RUMUSAN KHAS

**6.3.1** Rumusan bayi, rumusan susulan dan rumusan khas hendaklah:

a. Dalam Bahasa Malaysia dan boleh memasukkan terjemahannya dalam bahasa lain.

b. Tidak mempamerkan sebarang tuntutan yang menyatakan keunggulan atau kesamaan produk dengan susu ibu.

c. Mempunyai pernyataan **"Sebelum Membuat Keputusan Untuk Menggunakan Keluaran Ini, Sila Minta Nasihat Profesional Kesihatan".**

Contoh:




d. Mempunyai arahan untuk penyediaan yang betul dan amaran mengenai bahayanya terhadap kesihatan jika tidak disediakan dengan betul.

Contoh:

**AMARAN**: Ikut arahan dengan tepat. Jangan tukar kadar bancuhan susu tepung kecuali dengan nasihat profesional kesihatan. Penyediaan yang tidak betul boleh menyebabkan bayi anda sakit.

# ARAHAN PENYEDIAAN




Letakkan botol susu dan peralatanya yang telah dibersihkan ke dalam air. Pastikan botol susu dan peralatannya benar-benar tenggelam agar tiada gelembung udara yang terperangkap.




Tutup periuk dengan penutup. Panaskan air sehingga mendidih. Pastikan air tidak mendidih sehingga kering.




Cuci tangan dengan sabun dan air, dan keringkan dengan kain bersih atau kertas dapur *(kitchen towel)*.




Baca arahan pada label susu formula untuk mengetahui sukatan air dan susu yang diperlukan. Penggunaan susu formula yang berlebihan atau kurang daripada arahan sukatan pada label boleh membuat bayi sakit.




**Bagi penyediaan susu formula tanpa probiotik**

Tuang air yang mendidih dalam sukatan yang betul ke dalam botol susu yang telah dibersih dan disteril. Suhu air bagi penyediaan susu formula adalah tidak kurang dari 70 °C. Bagi penyediaan di rumah, suhu tersebut boleh ditentukan dengan cara membiarkan air yang telah dididihkan pada suhu bilik tidak lebih dari 30 minit. Jika menggunakan thermometer, gunakan thermometer **tanpa merkuri** yang bersih dan steril. Berhati-hati untuk mengelakkan kelecuran berlaku.

*Suhu air akan berbeza bergantung kepada cara penyediaan setiap susu formula.

**Bagi penyediaan susu formula dengan probiotik**

Tuang air yang telah dididihkan dan dibiarkan sejuk kepada 40 °C ke dalam botol susu yang telah dibersih dan disteril. Gunakan termometer **tanpa merkuri** yang bersih dan steril untuk mengukur suhu. Berhati-hati untuk mengelakkan kelecuran berlaku.

*Suhu air akan berbeza bergantung kepada cara penyediaan setiap susu formula




Tambah susu formula dalam sukatan yang betul ke dalam botol susu yang telah berisi air sebelum ini. Goncang botol susu untuk memastikan susu dan air bercampur dengan sempurna.




Turunkan suhu susu dengan memegang botol susu di bawah air paip yang mengalir, atau meletakkannya dalam bekas air sejuk atau ais. Untuk mengelakkan bancuhan susu daripada dicemari, pastikan paras air untuk menyejukkan bancuhan susu berada di bawah paras penutup botol susu.




Semak suhu susu dengan menitiskan sedikit ke pergelangan tangan anda. Susu seharusnya suam dan tidak panas. Jika susu masih terasa panas, sejukkan lagi sebelum diberi kepada bayi.




Buang lebihan susu atau susu yang terdedah ke udara lebih daripada dua jam.

e. Mengandungi maklumat mengenai:

i. Cara menyediakan rumusan yang termasuk pernyataan mengenai kuantiti atau amaun rumusan yang diarah untuk digunakan dalam penyediaan untuk diberi kepada bayi;

ii. Amaun rumusan yang perlu diberi pada setiap sajian dan bilangan sajian setiap hari. Maklumat ini perlu diberi bagi setiap bulan sehingga umur enam bulan untuk rumusan bayi;

**RUMUSAN BAYI**

| Anggaran umur (bulan) | Air (ml) | Jumlah pencedok (rata) | Bilangan penyusuan sehari |
|---|---|---|---|
| 0-1 | 60 | 2 | 8 |
| 1-2 | 90 | 3 | 7 |
| 2-4 | 120 | 4 | 6 |
| 4-6 | 150 | 5 | 6 |
| 6-9 | 120 | 4 | 5 |
| 9-12 | 150 | 5 | 4 |

Satu pencedok susu tepung XXX untuk 30ml air. Secara puratanya, bayi yang cukup bulan, 2.5kg atau lebih, memerlukan susu sebanyak 150ml/kg berat badan sehari. Jumlah sebenar bagi setiap penyusuan adalah berbeza. Sila dapatkan nasihat profesional kesihatan.

* Bagi rumusan bayi yang turut dipasarkan kepada bayi berusia 6 bulan ke atas, pernyataan berhubung kepentingan pengambilan makanan pelengkap yang berkhasiat perlu turut dimasukkan.

**RUMUSAN SUSULAN**

| Anggaran umur (bulan) | Air (ml) | Jumlah pencedok (rata) | Bilangan penyusuan sehari |
|---|---|---|---|
| 6-9 | 120 | 4 | 5 |
| 9-12 | 150 | 5 | 4 |
| 12-36 | 150 | 5 | 4 |

Satu pencedok susu tepung XXX untuk 30ml air. Bayi berusia 6 bulan dan ke atas perlu diberikan makanan pelengkap yang berkhasiat bagi mencapai pertumbuhan dan perkembangan yang optimum. Sila dapatkan nasihat profesional kesihatan.

Rujuk Garis Panduan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil (2019). Anggaran keperluan susu sehari perlu dikira berdasarkan keperluan kalori harian (daripada susu) mengikut umur. Jumlah saranan adalah berbeza bergantung kepada nilai kalori setiap rumusan.

iii. Harga pasaran yang disyorkan;

f. Mempunyai nama dan alamat pengimport, pengilang atau pengedar dan negara asal.

g. Tidak menggunakan perkataan, grafik atau gambar yang melambangkan gred, kualiti atau keunggulan ataupun maksud lain yang sama.

Contoh perkataan:

| Gold | A | + / Plus | Pro |
|---|---|---|---|
| Natura/ Nutura | Precious | Care | Gentle |
| Grow | Super | Comfort | Biosure |
| Protect | Nutrismart | Immunoforce | Ideal |
| Unique | Intel | Suprema | Easy |
| Baby Steps | First Step | Step Up | Infinity |
| ExtraCare | ActivBaby | | |

Contoh grafik:







Penggunaan warna keemasan bersama bahan cetakan *(material)* yang berkilauan *(glossy)* boleh dilihat sebagai menggambarkan keunggulan sesuatu produk. Oleh yang demikian, penggunaan warna dan bahan cetakan sedemikian adalah tidak dibenarkan.

*Tidak terhad kepada contoh ini sahaja.*
*Senarai akan dikemaskini dari semasa ke semasa.*

h. Tidak menggunakan istilah *"humanised"* atau *"maternalised"* atau istilah yang serupa.

i. Mempunyai arahan penyimpanan.

Contoh:




j. Tidak mempunyai sebarang akuan kandungan nutrien kecuali dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan (1985).

k. Mempunyai nama haiwan atau tumbuhan dari mana bahan-bahan utama diperolehi. Ianya ditulis pada Senarai Bahan dalam huruf tebal.

I. Mempunyai pernyataan berikut pada panel pamer utama label tersebut:

   i. Kod kelulusan daripada Jawatankuasa Penapisan.

   ii. **"SUSU IBU ADALAH MAKANAN YANG TERBAIK BAGI BAYI"** bagi rumusan bayi dan **"SUSU IBU ADALAH MAKANAN YANG TERBAIK UNTUK BAYI"** bagi rumusan susulan. Perkataan ini hendaklah berhuruf tebal dan tidak kurang dari 10 poin saiznya untuk tin 500g dan ke bawah. Saiz poin huruf hendaklah dibesarkan berkadaran mengikut saiz tin.

   iii. Gelaran yang betul misalnya **RUMUSAN BAYI, RUMUSAN SUSULAN, RUMUSAN KHAS** dan lain-lain. Perkataan ini hendaklah menonjol dari segi visual dan kedudukannya dan hendaklah tidak kurang dari separuh daripada ketinggian apabila dibandingkan dengan jenama produk.

   iv. **"RUMUSAN BAYI BUKANLAH MAKANAN TUNGGAL BAGI BAYI YANG BERUMUR LEBIH DARIPADA 6 BULAN"** bagi Rumusan Bayi dan **"RUMUSAN SUSULAN BUKANLAH MAKANAN TUNGGAL BAGI BAYI YANG BERUMUR LEBIH DARIPADA 6 BULAN"** bagi Rumusan Susulan. Perkataan ini hendaklah dalam huruf tebal dan tidak kurang daripada 4 poin saiznya bagi tin 500g dan ke bawah. Saiz poin huruf hendaklah dibesarkan berkadaran mengikut saiz tin.

   v. **"TIDAK BOLEH DIBERIKAN KEPADA BAYI YANG BERUMUR DI BAWAH 6 BULAN"** untuk rumusan susulan.



m. Tidak menunjukkan sebarang gambar, grafik, perkataan atau pernyataan yang mungkin memberi tanggapan keunggulan rumusan bayi. Gambar atau grafik bayi dan bahagian tubuh bayi atau manusia tidak dibenarkan.

Contoh:

| | | | |
|---|---|---|---|
| *Nutritionally complete* | *Scientifically formulated* | *Advance formula* | *Well-rounded development* |
| *Exclusive* | *Special* | *Well balanced* | *Complete* |
| *Total Formula* | *Good Nutrition for Tummies* | | |
| Menyokong tumbesaran dan perkembangan bayi | Dirumus khas daripada sumber susu terbaik | Rumusan unik menggunakan teknologi terkini | Kombinasi nutrien yang penting |



Perkembangan dan pertumbuhan bayi secara menyeluruh dari aspek fizikal, kognitif, emosi dan sosial



Ikatan kasih sayang antara anak dan ibu



Pengiktirafan produk oleh profesional kesihatan (doktor/saintis)



Kekuatan fizikal



Perlindungan



Kebijaksanaan



Perkembangan fizikal dan pertumbuhan yang pesat:
- Berat badan
- Ketinggian




Kecerdikan, perkembangan minda dan fizikal



Grafik/ gambar manusia atau anggota tubuh badan manusia pada label produk makanan bayi adalah tidak dibenarkan.

n. Tidak digunakan sebagai bahantara pengiklanan produk lain.

o. Tidak menggunakan pelekat yang tidak ditapis.

*Tidak terhad kepada contoh ini sahaja. Senarai akan dikemaskini dari semasa ke semasa.*

## PERKARA 6.4 BAHAN MAKLUMAT DAN LABEL UNTUK PRODUK MAKANAN PELENGKAP

**6.4.1** Pengilang dan pengedar dibenarkan untuk mengiklankan serta mempromosikan makanan pelengkap kepada orang awam dengan syarat :

a. Semua bahan yang berkaitan makanan pelengkap tersebut, termasuk iklan dan label mengandungi yang tersebut di bawah (dalam cetakan huruf tidak kurang dari 10 poin) :

i. **"TIDAK BOLEH DIBERIKAN KEPADA BAYI YANG BERUMUR DI BAWAH 6 BULAN KECUALI ATAS NASIHAT PROFESIONAL KESIHATAN.";**

ii. **"UNTUK KESIHATAN BAYI YANG OPTIMA, PENYUSUAN SUSU IBU PERLU DITERUSKAN SEHINGGA UMUR 2 TAHUN DI SAMPING MEMBERI MAKANAN PELENGKAP."**

**BUKAN UNTUK DIBERIKAN KEPADA BAYI DI BAWAH UMUR ENAM (6) BULAN MELAINKAN JIKA DINASIHATI OLEH PROFESIONAL KESIHATAN , UNTUK KESIHATAN BAYI YANG OPTIMUM, PENYUSUAN SUSU IBU PERLU DITERUSKAN SEHINGGA UMUR DUA (2) TAHUN DI SAMPING MEMBERI MAKANAN PELENGKAP.**

**BUKAN UNTUK DIBERIKAN KEPADA BAYI DI BAWAH UMUR ENAM (6) BULAN MELAINKAN JIKA DINASIHATI OLEH PROFESIONAL KESIHATAN , UNTUK KESIHATAN BAYI YANG OPTIMUM, PENYUSUAN SUSU IBU PERLU DITERUSKAN SEHINGGA UMUR DUA (2) TAHUN DI SAMPING MEMBERI MAKANAN PELENGKAP.**

b. Tiada pengiklanan atau promosi produk dijalankan di sistem penjagaan kesihatan. Peruntukan di bawah Perkara 4 dan 5 yang berkaitan promosi produk-produk tersenarai di dalam sistem penjagaan kesihatan adalah juga terpakai untuk makanan pelengkap.

**6.4.2** Sebagai tambahan kepada Perkara 6.3.1, label produk makanan pelengkap hendaklah tidak menggunakan gambar/ grafik bayi yang berumur kurang daripada 6 bulan.

Contoh:



Penggunaan gambar/ grafik bayi yang tidak dapat dikenalpasti umur bayi tersebut adalah **tidak dibenarkan**

*Tidak terhad kepada contoh ini sahaja.*
*Senarai akan dikemaskini dari semasa ke semasa.*

Berdasarkan Senarai Semak, label produk makanan pelengkap tidak dibenarkan mempamerkan sebarang gambar, grafik, perkataan atau pernyataan yang mungkin memberi tanggapan keunggulan produk.

Contoh:



Gambar haiwan atau apa sahaja bentuk yang menunjukkan tanda "bagus" atau memberikan makna yang sama

| | |
|---|---|
| Pilihan terbaik | Pilihan no.1 ibu bapa |
| Disediakan dengan kasih sayang | *Make tummy happy* |
| Kegemaran bayi | *Happy tummy, happy baby* |

*Tidak terhad kepada contoh ini sahaja.*
*Senarai akan dikemaskini dari semasa ke semasa.*

## PERKARA 6.5 PELABELAN BAGI BOTOL SUSU, PUTING SUSU DAN PUTING KOSONG

**6.5.1** Label, bungkusan atau bekas yang mengandungi botol susu, puting susu dan puting kosong hendaklah:

a. Memasukkan amaran dalam Bahasa Malaysia iaitu **"PENGGUNAAN BOTOL SUSU** (*atau **PUTING SUSU** atau **PUTING KOSONG**) (*yang mana berkaitan) **BOLEH MENGGANGGU PENYUSUAN SUSU IBU"** dalam huruf besar yang jelas dan tebal pada panel pamer utama, dengan saiz huruf tidak kurang daripada 10 poin saiznya, bagi bungkusan yang sama saiz seumpama botol susu 250 ml (saiz huruf bagi pernyataan tersebut perlu dibesarkan berkadaran dengan saiz produk). Saiz huruf yang lebih 2 poin saiz dibenarkan untuk puting susu dan puting kosong yang dibungkus secara individu. Amaran ini boleh dicetak pada pelekat bungkusan.

b. Memasukkan arahan bagi pembersihan dan pensterilan produk dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, dan boleh memasukkan terjemahannya dalam bahasa lain.

c. Tidak mengandungi gambar, grafik atau teks yang mencadangkan kesamaan produk dengan payudara ibu. Penggunaan gambar atau grafik bayi atau mana-mana bahagian tubuh bayi atau orang lain adalah tidak dibenarkan.

Contoh:





| | |
|---|---|
| *Make switching between bottle and breastfeeding easy* | *Surface mimics nipple during breastfeeding* |
| *Breast-like teat* | *For more natural feeding* |
| *Teat that feels the same as mum* | *Give your baby a feeling of drinking breast milk* |
| *Ideal for breastfed babies* | *Designed to be similar in shape to a mother's nipple during breastfeeding* |
| *Promote natural sucking action* | *By offering the best nipple, bottle-feeding can deliver happiness to the smartest mother* |

Perkataan *"nipple"* adalah sinonim dengan penyusuan susu ibu dan boleh dilihat sebagai menyemai payudara ibu. oleh itu, terjemahan yang tepat bagi puting susu adalh *"teat"* dan bukannya *"nipple"*.

*Tidak terhad kepada contoh ini sahaja. Senarai akan dikemaskini dari semasa ke semasa.*

d. Mempunyai nama dan alamat pengilang dan pengedar atau agen tempatan produk.

e. Tidak digunakan sebagai bahantara pengiklanan produk lain.

## TIPS TAMBAHAN

**01** Pastikan terjemahan Bahasa Malaysia yang digunakan adalah tepat dan betul. Adalah dinasihatkan untuk tidak hanya menggunakan kaedah *"direct translation"*.

**02** Pastikan saiz tulisan yang digunakan adalah mudah dibaca oleh pengguna (saiz tidak terlalu kecil).

**03** Pastikan warna tulisan yang digunakan adalah kontra berbanding warna latar belakang supaya mudah dilihat dan dibaca oleh pengguna.

## SENARAI SEMAK

Senarai Semak Permohonan Kod Kelulusan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan adalah seperti berikut:

- Senarai Semak Penerimaan Bahan Maklumat
- Senarai Semak Penerimaan Label Produk Rumusan Sedia Diminum
- Senarai Semak Penerimaan Label Produk Makanan Pelengkap
- Senarai Semak Penerimaan Label Produk Susu Formula

Senarai semak ini boleh dimuat turun di laman sesawang Bahagian Pemakanan.





# CONTOH LABEL YANG MEMENUHI SENARAI SEMAK

## 1 RUMUSAN BAYI

Background Print Area 393.7mm x 171.7mm

Critical Elements Print Area 387mm x 158.7mm

### Nutrition Information/Maklumat Pemakanan

| | Per serving (60ml water + 2 scoops powder)/ Setiap hidangan (60ml air + 2 pencedok susu tepung) | Per 100g Powder/ Setiap 100g Susu Tepung |
|---|---|---|
| Energy/Tenaga | 175kJ | 2086kJ |
| Protein/Protein | 1.1g | 12.7g |
| Fat/Lemak | 2.2g | 26.7g |
| - Monounsaturated Fatty Acid/ Asid Lemak Monotidaktepu | 0.89g | 10.7g |
| - Polyunsaturated Fatty Acid/ Asid Lemak Politidaktepu | 0.5g | 5.95g |
| Asid Dokosaheksenoik/ Docosahexaenoic Acid (DHA) | 5.0mg | 60mg |
| α-Linolenic Acid/Asid α-Linolenik | 39mg | 470mg |
| Asid Arakidonik/Arachidonic Acid (ARA) | 7.1mg | 85mg |
| Asid Linoleik/Linoleic Acid | 0.4g | 5g |
| - Saturated Fatty Acid/Asid Lemak Tepu | 0.8g | 9.9g |
| - Trans Fatty Acid/Asid Trans Lemak | 0.01g | 0.15g |
| Carbohydrate/Karbohidrat | 4.3g | 51.1g |
| - Lactose/Laktosa | 4.3g | 51.1g |
| **Vitamins** | | |
| Vitamin A | 43µg RE | 510 µg RE |
| Beta carotene/Beta Karotena | 9.5µg | 113µg |
| Vitamin B1 | 46µg | 550µg |
| Vitamin B2 | 63µg | 745µg |
| Vitamin B3 | 294µg | 3500µg |
| Vitamin B6 | 33µg | 390µg |
| Vitamin B12 | 0.17µg | 2µg |
| Vitamin C | 8mg | 94mg |
| Vitamin D3 | 0.76µg | 9µg |
| Vitamin E | 1.1mg α-TE | 13mg α-TE |
| Vitamin K | 3.8µg | 45µg |
| Biotin | 2.3µg | 27µg |
| Folic acid/Asid Folik | 11µg | 130µg |
| Pantothenic acid/Asid Pantotenik | 354µg | 4216µg |
| **Minerals** | | |
| Iron/Besi | 0.42mg | 5mg |
| Calcium/Kalsium | 43mg | 510mg |
| Chloride/Klorida | 39mg | 460mg |
| Copper/Kulprum | 32µg | 386µg |
| Iodine/Iodin | 10µg | 123µg |
| Magnesium/Magnesium | 4.2mg | 50mg |
| Manganese/Mangan | 14µg | 163µg |
| Phosphorus/Fosforus | 27mg | 325mg |
| Potassium/Kalium | 52mg | 618mg |
| Selenium/Selenium | 1.8µg | 21µg |
| Sodium/Natrium | 16mg | 195mg |
| Zinc/Zink | 0.41mg | 4.9mg |
| **Others** | | |
| Choline/Kolina | 6.8mg | 81.5mg |
| Inositol/Inositol | 2.5mg | 30mg |
| L-Carnitine/L-Karnitina | 1.3mg | 16mg |
| Taurine/Taurina | 2.9mg | 35mg |
| Nucleotides/Nukleotida | 2.1mg | 25mg |
| Lutein/Lutein | 7.1µg | 85µg |
| Galacto-oligosaccharides (GOS)/ Galakto-oligosakarida | 126mg | 1500mg |

# JENAMA RUMUSAN BAYI

## INFANT FORMULA

LANGKAH 1

Net Weight/ Berat Bersih 900g

**0 - 6 MONTHS/BULAN**

Infant Formula/Rumusan Bayi

**SUSU IBU ADALAH MAKANAN YANG TERBAIK UNTUK BAYI.**

**RUMUSAN BAYI BUKANLAH MAKANAN TUNGGAL BAGI BAYI YANG BERUMUR LEBIH DARIPADA 6 BULAN. SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENGGUNAKAN KELUARAN INI, SILA MINTA NASIHAT PROFESSIONAL KESIHATAN.**

### Preparation Instruction/Arahan Penyediaan




1. Letakkan botol susu dan peralatannya yang telah dibersihkan ke dalam air. Pastikan bahawa botol susu dan peralatannya benar-benar tenggelam agar tiada gelumbung udara yang terperangkap.
2. Tutup periuk dengan penutup. Panaskan air sehingga mendidih. Pastikan air tidak mendidih sehingga kering.
3. Cuci tangan dengan sabun dan air, dan keringkan dengan kain bersih atau kertas dapur (kitchen towel).
4. Baca arahan pada label susu formula untuk mengetahui sukatan air dan susu yang diperlukan. Penggunaan susu formula yang berlebihan atau kurang daripada arahan sukatan pada label boleh membuat bayi sakit.
5. Tuang air mendidih dalam sukatan yang betul ke dalam botol susu yang telah dibersih dan disteril. Suhu air bagi penyediaan susu formula adalah tidak kurang dari 70°C. Bagi penyediaan di rumah, suhu tersebut boleh ditentukan dengan cara membiarkan air yang telah dididihkan pada suhu bilik tidak lebih dari 30 minit. Jika menggunakan termometer, gunakan termometer tanpa merkuri yang bersih dan steril. Berhati-hati untuk mengelakkan kelecuran berlaku. *Suhu air akan berbeza bergantung kepada cara penyediaan setiap susu formula.
6. Goncang botol susu untuk memastikan susu dan air bercampur dengan sempurna.
7. Turunkan suhu susu dengan memegang botol susu di bawah air paip yang mengalir, atau meletakkannya dalam bekas air sejuk atau ais. Untuk mengelakkan bancuhan susu daripada dicemari, pastikan paras air untuk menyejukkan bancuhan susu berada di bawah paras penutup botol susu.
8. Semak suhu susu dengan menitiskan sedikit ke pergelangan tangan anda. Susu seharusnya suam dan tidak panas. Jika susu masih terasa panas, sejukkan lagi sebelum diberi kepada bayi.
9. Buang lebihan susu atau susu yang terdedah ke udara lebih daripada dua jam.

### Feeding Table/Jadual Penyusuan

| Age/Umur | Quantity Per Feeding/Kuantiti Setiap Penyusuan | | Number of Feeding Per Day/ Bilangan Penyusuan Sehari |
|---|---|---|---|
| | Air Masak/Boiled Water (ml) | Level Scoops/Sukatan Pencedok | |
| 0 - 1 Month/Bulan | 60ml | 2 | 8 |
| 1 - 2 Months/Bulan | 90ml | 3 | 7 |
| 2 - 4 Months/Bulan | 120ml | 4 | 6 |
| 4 - 6 Months/Bulan | 150ml | 5 | 6 |

1 scoop = 4.2g milk powder. A term baby, weighing 2.5kg or more, needs an average of 150ml/kg body weight of milk per day. This is divided into 6,7 or 8 feeds according to the baby's age. The exact amount at one feed varies. Please seek the advice from your baby's health professional. Complementary foods should be introduced when the baby is 6 months old.

1 pencedok = 4.2 susu tepung. Secara puratanya, bayi yang cukup bulan, 2.5kg atau lebih, memerlukan susu sebanyak 150ml/kg berat badan sehari. Jumlah sebenar bagi setiap penyusuan adalah berbeza. Sila dapatkan nasihat profesional kesihatan bayi anda. Makanan pelengkap perlu diberikan kepada bayi mulai umur 6 bulan.

### Ingredients/Ramuan

Demineralized Whey Powder **(Cow)**, Vegetable Oil Blend **(Soy, Palm, High Oleic Sunflower, Coconut)**, Skim Milk Solids **(Cow)**, Lactose **(Cow)**, Galacto-oligosaccharides **(Cow)**, Minerals (Calcium Carbonate, Potassium Chloride, Di-Potassium Hydrogen Orthophosphate, Calcium Hydrogen Orthophosphate, Sodium Chloride, Magnesium Chloride, Ferrous Sulphate, Tri-Potassium Citrate, Tri-Sodium Citrate, Zinc Sulphate, Copper Sulphate, Manganese Sulphate, Potassium Iodide, Sodium Selenite), Whey Protein Concentrate **(Cow)**, Docosahexaenoic Acid **(Fish)**, Arachidonic Acid **(Mortierella Alpina)**, Emulsifier (**Soy** Lecithin), Vitamins (Ascorbic Acid, Vitamin E Acetate, Vitamin A Acetate, Cholecalciferol, Niacinamide, Calcium Pantothenate, Phytonadione, Riboflavin-5-Phosphate Sodium, Thiamine Hydrochloride, Pyridoxine Hydrochloride, Cyanocobalamin, Folic Acid, D-Biotin, Beta-Carotene), Nucleotides (Adenosine 5'-Monophosphate, Cytidine 5'-Monophosphate, Guanosine 5'-Monophosphate Sodium Salt, Inosine 5'-Monophosphate Sodium Salt, Uridine 5'-Monophosphate Sodium Salt), Choline Chloride, Taurine, L-Carnitine, Lutein

**Allergens: Contains Milk, Soy and Fish. | Country of Origin:**

Pepejal Dadih Tanpa Mineral **(Lembu)**, Campuran Lemak Sayuran **(Soya, Kelapa Sawit, Bunga Matahari Oleik Tinggi, Kelapa)**, Pepejal Susu Skim **(Lembu)**, Laktosa **(Lembu)**, Galakto-oligosakarida **(Lembu)**, Mineral (Kalsium Karbonat, Kalium Klorida, Di-Kalium Hidrogen Ortofosfat, Kalsium Hidrogen Ortofosfat, Natrium Klorida, Magnesium Klorida, Ferus Sulfat, Tri-Kalium Sitrat, Tri-Natrium Sitrat, Zink Sulfat, Kuprum Sulfat, Mangan Sulfat, Kalium Iodida, Natrium Selenit), Dadih Susu Protein **(Lembu)**, Asid Dokosaheksenoik **(Ikan)**, Asid Arakidonik **(Mortierella Alpina)**, Pengemulsi (Lesitin **Soya**), Vitamins (Asid Askorbik, Vitamin E Asetat, Vitamin A Asetat, Kolekalsiferol, Niasinamida, Kalsium Pantotenat, Phytonadione, Riboflavin 5'-Fosfat Natrium, Tiamin Hidroklorida, Piridoksina Hidroklorida, Sianokobalamina, Asid Folik, D-Biotin, Beta-Karotena), Nucleotida (Adenosina 5'-Monofosfat, Sitidina 5'-Monofosfat, Guanosina 5'-Monofosfat, Inosina 5'-Monofosfat, Uridina 5'-Monofosfat), Kolina Klorida, Taurina, L-Karnitina, Lutein.

**Allergens: Mengandungi susu, soya dan ikan. | Negara Asal:**

### WARNING/AMARAN

FOLLOW INSTRUCTIONS EXACTLY. PREPARE BOTTLES AND TEATS AS DIRECTED. DO NOT CHANGE PROPORTIONS OF POWDER EXCEPT ON HEALTH PROFESSIONAL'S ADVICE. INCORRECT PREPARATION CAN MAKE YOUR BABY SICK.

IKUTI ARAHAN PENYEDIAAN DENGAN TEPAT. SEDIAKAN BOTOL SUSU DAN PUTING SUSU SEPERTI YANG DIARAHKAN. JANGAN MENGUBAH KADAR BANCUHAN RUMUSAN KECUALI ATAS NASIHAT DARIPADA PROFESIONAL KESIHATAN. KADAR BANCUHAN YANG TIDAK TEPAT BOLEH MENYEBABKAN BAYI ANDA SAKIT.

### Storage/Arahan Penyimpanan

Store in a cool dry place. Close lid tightly after each use. Use contents within 4 weeks of opening.

Simpan di tempat yang dingin dan kering. Penutup ditutupkan dengan ketat selepas digunakan. Habiskan kandungan dalam masa 4 minggu selepas dibuka.

**Manufactured by/Dikilang Oleh:** **Imported by/Diimport Oleh:**

9 350363 001543

**USE BY: See bottom of can | GUNA SEBELUM: Lihat bahagian bawah tin**

**Recommended retail price: See bottom of can**
**Harga runcit yang disyorkan: Lihat bahagian bawah tin**

# CONTOH LABEL YANG MEMENUHI SENARAI SEMAK

## 2 RUMUSAN SUSULAN

Background Print Area 393.7mm x 171.7mm

Critical Elements Print Area 387mm x 158.7mm

### Nutrition Information/Maklumat Pemakanan

| | Per serving (120ml water+ 4 scoop powder)/ Setiap hidangan (120ml air + 4 pencedok susu tepung) | Setiap 100g Susu Tepung/ Per 100g Powder |
|---|---|---|
| Tenaga/Energy | 345kJ | 2054kJ |
| Protein/Protein | 3.4g | 20.4g |
| Lemak/Fat | 4.3g | 25.2g |
| Asid Lemak Monotidaktepu/ Monounsaturated Fatty Acid | 1.7g | 9.85g |
| Asid Lemak Politidaktepu/ Polyunsaturated Fatty Acid | 1g | 6g |
| Omega 3 | | |
| Asid Dokosaheksenoik/ Docosahexaenoic Acid (DHA) | 8.4mg | 50mg |
| Asid α-Linolenik/α-Linolenic Acid | 78.6mg | 468mg |
| Omega 6 | | |
| Asid Arakidonik/Arachidonic Acid (ARA) | 12.6mg | 75mg |
| Asid Linoleik/Linoleic Acid | 0.79g | 4.7g |
| Asid Lemak Tepu/Saturated Fatty Acid | 1.5g | 9.2g |
| Asid Trans Lemak/Trans Fatty Acid | 0.1g | 0.15 |
| Karbohidrat/Carbohydrate | 7.5g | 44.9g |
| Laktosa/Lactose | 7.5g | 44.9g |
| **Vitamins** | | |
| Vitamin A | 123 ug RE | 734 ugRE |
| Beta Karotena/Beta Carotene | 23ug | 136ug |
| Vitamin B1 | 133ug | 791ug |
| Vitamin B2 | 212ug | 1263ug |
| Vitamin B3 | 794ug | 4727ug |
| Vitamin B6 | 77ug | 459ug |
| Vitamin B12 | 0.55ug | 3.3ug |
| Vitamin C | 13mg | 77mg |
| Vitamin D3 | 1.8ug | 10.6ug |
| Vitamin E | 2.5 mg α-TE | 15 mg α-TE |
| Vitamin K | 10.7 ug | 64ug |
| Biotin/Biotin | 7.2 ug | 43ug |
| Asid Folik/Folic Acid | 18 ug | 107ug |
| Asid Pantotenik/Pantothenic Acid | 476 ug | 2836ug |
| **Minerals** | | |
| Besi/Iron | 1.3mg | 7.6mg |
| Kalsium/Calcium | 105mg | 624mg |
| Klorida/Chloride | 90mg | 539mg |
| Kuprum/Copper | 63ug | 373ug |
| Iodin/Iodine | 26ug | 153ug |
| Magnesium/Magnesium | 10.1mg | 60mg |
| Mangan/Manganese | 52ug | 312ug |
| Fosforus/Phosphorus | 65mg | 388mg |
| Kalium/Potassium | 115mg | 685mg |
| Selenium/Selenium | 4ug | 24ug |
| Natrium/Sodium | 32mg | 189mg |
| Zink/Zinc | 0.76mg | 4.5mg |
| **Others** | | |
| Kolina/Choline | 20mg | 119mg |
| Inositol/Inositol | 5.0mg | 30mg |
| L-Karnitina/L-Carnitine | 2.7mg | 16mg |
| Taurina/Taurine | 6.5mg | 39mg |
| Nukleotida/Nucleotides | 4.2mg | 25mg |
| Lutein/Lutein | 14.3ug | 85ug |
| Galakto-oligosakarida/ Galacto-oligosaccharides | 252mg | 1500mg |

# BRAND NAME
# RUMUSAN BAYI

## FOLLOW-UP FORMULA

LANGKAH 2

Net Weight/
Berat Bersih 900g

6 - 12
MONTHS/BULAN
Follow-Up Formula/Rumusan Susulan

**SUSU IBU ADALAH MAKANAN YANG TERBAIK UNTUK BAYI.**

TIDAK BOLEH DIBERIKAN KEPADA BAYI YANG BERUMUR DI BAWAH 6 BULAN. RUMUSAN SUSULAN BUKANLAH MAKANAN TUNGGAL BAGI BAYI YANG BERUMUR LEBIH DARIPADA 6 BULAN. SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENGGUNAKAN KELUARAN INI, SILA MINTA NASIHAT PROFESIONAL KESIHATAN.

### Preparation Instruction/Arahan Penyediaan



1. Letakkan botol susu dan peralatannya yang telah dibersihkan ke dalam air. Pastikan bahawa botol susu dan peralatannya benar-benar tenggelam agar tiada gelumbung udara yang terperangkap.
2. Tutup periuk dengan penutup. Panaskan air sehingga mendidih. Pastikan air tidak mendidih sehingga kering.
3. Cuci tangan dengan sabun dan air, dan keringkan dengan kain bersih atau kertas dapur (kitchen towel).
4. Baca arahan pada label susu formula untuk mengetahui sukatan air dan susu yang diperlukan. Penggunaan susu formula yang berlebihan atau kurang daripada arahan sukatan pada label boleh membuat bayi sakit.
5. Tuang air mendidih dalam sukatan yang betul ke dalam botol susu yang telah dibersih dan disteril. Suhu air bagi penyediaan susu formula adalah tidak kurang dari 70°C. Bagi penyediaan di rumah, suhu tersebut boleh ditentukan dengan cara membiarkan air yang telah dididihkan pada suhu bilik tidak lebih dari 30 minit. Jika menggunakan termometer, gunakan termometer tanpa merkuri yang bersih dan steril. Berhati-hati untuk mengelakkan kelecuran berlaku. *Suhu air akan berbeza bergantung kepada cara penyediaan setiap susu formula.
6. Goncang botol susu untuk memastikan susu dan air bercampur dengan sempurna.
7. Turunkan suhu susu dengan memegang botol susu di bawah air paip yang mengalir, atau meletakkannya dalam bekas air sejuk atau ais. Untuk mengelakkan bancuhan susu daripada dicemari, pastikan paras air untuk menyejukkan bancuhan susu berada di bawah paras penutup botol susu.
8. Semak suhu susu dengan menitiskan sedikit ke pergelangan tangan anda. Susu seharusnya suam dan tidak panas. Jika susu masih terasa panas, sejukkan lagi sebelum diberi kepada bayi.
9. Buang lebihan susu atau susu yang terdedah ke udara lebih daripada dua jam.

### Feeding Table/Jadual Penyusuan

| Age/Umur | Kuantiti Untuk Setiap Penyusuan | | Jumlah Penyusuan Sehari |
|---|---|---|---|
| | Amaun Air Masak (ml) | Bilangan pencedok | |
| 6 - 9 Month/Bulan | 120ml | 4 | 5 |
| 9 - 12 Months/Bulan | 150ml | 5 | 4 |

4 scoops (1 scoop = 4.2g) milk powder into 120ml boiled water. This feeding table is for guidance only. Complementary foods must be given at six months of age. Please seek the advice of a health professional regarding the nutritional needs of your baby.

4 pencedok ( 1 pencedok = 4.2g) susu tepung ke dalam 120ml air masak. Jadual penyusuan ini hanya sebagai panduan sahaja. Makanan pelengkap perlu diberikan kepada bayi mulai umur 6 bulan. Sila dapatkan nasihat professional kesihatan berhubung keperluan pemakanan bagi bayi anda.

### Ingredients/Ramuan

Skim Milk Solids **(Cow)**, Demineralized Whey Powder **(Cow)**, Vegetable Oil Blend **(Soy, Palm, High Oleic Sunflower, Coconut)**, Whey Protein Concentrate **(Cow)**, Lactose **(Cow)**, Galacto-oligosaccharides **(Cow)**, Minerals (Calcium Hydrogen Orthophosphate, Magnesium Chloride, Calcium Carbonate, Di-Potassium Hydrogen Orthophosphate, Potassium Chloride, Sodium Chloride, Tri-Potassium Citrate, Tri-Sodium Citrate, Ferrous Sulphate, Zinc Sulphate, Copper Sulphate, Manganese Sulphate, Potassium Iodide, Sodium Selenite), Docosahexaenoic Acid DHA **(Fish)**, Arachidonic Acid ARA **(Mortierella Alpina)**, Emulsifier (**Soy** Lecithin), Vitamins (Ascorbic Acid, Vitamin E Acetate, Vitamin A Acetate, Riboflavin-5-Phosphate Sodium, Niacinamide, Cholecalciferol, Calcium Pantothenate, Phytonadione, Cyanocobalamin, Thiamine Hydrochloride, Pyridoxine Hydrochloride, Folic Acid, D-Biotin, Beta Carotene), Nucleotides (Adenosine 5'-monophosphate, Cytidine 5'-Monophosphate, Guanosine 5'-Monophosphate Sodium Salt, Inosine 5'-Monophosphate Sodium Salt, Uridine 5'-Monophosphate Sodium Salt), Choline Chloride, Taurine, L-Carnitine, Lutein.

**Allergens: Contains milk, soy and fish. | Country of Origin:**

Pepejal Susu Skim **(Lembu)**, Pepejal Dadih Tanpa Mineral **(Lembu)**, Campuran Minyak Sayuran **(Soya, Kelapa Sawit, Bunga Matahari Oleik Tinggi, Kelapa)**, Protein Dadih Konsentrat **(Lembu)**, Laktosa **(Lembu)**, Galakto-oligosakarida **(Lembu)**, Minerals (Kalsium Hidrogen Ortofosfat, Magnesium Klorida, Kalsium Karbonat, Di-Kalium Hidrogen Ortofosfat, Kalium Klorida, Natrium Klorida, Tri-Kalium Sitrat, Tri-Natrium Sitrat, Ferus Sulfat, Zink Sulfat, Kuprum Sulfat, Mangan Sulfat, Kalium Iodida, Natrium Selenit), Asid Dokosaheksenoik DHA **(Ikan)**, Asid Arakidonik ARA **(Mortierella Alpina)**, Pengemulsi (Lesitin **Soya**), Vitamin (Asid Askorbik, Vitamin E Asetat, Vitamin A Asetat, Riboflavin 5'-Fosfat Natrium, Niasinamida, Kolekalsiferol, Kalsium Pantotenat, Phytonadione, Sianokobalamina, Tiamin Hidroklorida, Piridoksina Hidroklorida, Asid Folik, D-Biotin, Beta-Karotena), Nukleotida (Adenosina 5'-Monofosfat, Sitidina 5'-Monofosfat, Guanosina 5'-Monofosfat, Inosina 5'-Monofosfat, Uridina 5'-Monofosfat), Kolina Klorida, Taurina,L-Karnitina, Lutein.

**Alergen: Mengandungi susu, soya dan ikan. | Negara Asal:**

### WARNING/AMARAN

FOLLOW INSTRUCTIONS EXACTLY. PREPARE BOTTLES AND TEATS AS DIRECTED. DO NOT CHANGE PROPORTIONS OF POWDER EXCEPT ON HEALTH PROFESSIONAL'S ADVICE. INCORRECT PREPARATION CAN MAKE YOUR BABY SICK.

IKUTI ARAHAN PENYEDIAAN DENGAN TEPAT. SEDIAKAN BOTOL SUSU DAN PUTING SUSU SEPERTI YANG DIARAHKAN. JANGAN MENGUBAH KADAR BANCUHAN RUMUSAN KECUALI ATAS NASIHAT DARIPADA PROFESIONAL KESIHATAN. KADAR BANCUHAN YANG TIDAK TEPAT BOLEH MENYEBABKAN BAYI ANDA SAKIT.

### Storage/Arahan Penyimpanan

Store in a cool dry place. Close lid tightly after each use. Use contents within 4 weeks of opening.

Simpan di tempat yang dingin dan kering. Penutup ditutup dengan ketat selepas digunakan. Gunakan kandungan tin dalam jangka masa 4 minggu selepas dibuka.

**Manufactured by/Dikilang Oleh:** **Imported by/Diimport Oleh:**

9 350363 001550

**USE BY: See bottom of can | GUNA SEBELUM: Lihat bahagian bawah tin**

**Recommended retail price: See bottom of can**
**Harga runcit yang disyorkan: Lihat bahagian bawah tin**

## CONTOH LABEL YANG MEMENUHI SENARAI SEMAK

3 MAKANAN PELENGKAP



## CARTA ALIR PROSES PENAPISAN BAHAN MAKLUMAT / LABEL TATA ETIKA PEMASARAN MAKANAN BAYI DAN PRODUK BERKAITAN



**Nota:**

* Semua label yang dikemukakan untuk penapisan perlu mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan kepatuhan. Label/ bahan maklumat produk yang perlu dikemukakan untuk penapisan Tata Etika adalah:

i. Rumusan Bayi (bagi bayi 0-12 bulan) termasuk rumusan sedia diminum
ii. Rumusan Susulan (bagi bayi 6-36 bulan) termasuk rumusan sedia diminum
iii. Rumusan Khas (rumusan bayi atau susulan bagi keperluan dietari atau perubatan yang khusus) termasuk rumusan sedia diminum
iv. Makanan Pelengkap (6-12 bulan)
v. Pelekat/ *Sticker* berkaitan produk makanan bayi
vi. Bahan maklumat berkaitan pemakanan bayi/ produk tersenarai & makanan pelengkap

** **Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Tata Etika** dijadualkan untuk diadakan sebanyak sekurang-kurangnya 4 kali setahun iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan November. Tarikh mesyuarat boleh berubah mengikut kesesuaian semasa. Pihak syarikat boleh membuat semakan sama ada terdapat perubahan pada jadual mesyuarat melalui pihak sekretariat.

*** Kod kelulusan akan dikeluarkan dalam masa 14 hari bekerja selepas mesyuarat diadakan.

Pembaharuan kod kelulusan bagi label yang tiada sebarang perubahan boleh dikemukakan seawal satu (1) tahun daripada tarikh tamat kod kelulusan.
Sebarang perubahan pada label boleh dikemukakan pada bila-bila masa sebagai permohonan baharu.

**Sebarang pertanyaan boleh**
**dikemukakan kepada:**

Sekretariat
Jawatankuasa Penapisan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan
Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 1 Blok E3 Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel. : +603-8892 4464
Faks : +603-8892 4511/4512
E-mel : penapisan_tataetika@moh.gov.my

**Nota:**

Bahagian Pemakanan, KKM berhak untuk mengubah terma dan syarat di dalam panduan ini tanpa notifikasi awal. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, panduan terkini akan dikemaskini di laman web Bahagian Pemakanan.

Bahagian Pemakanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 1, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Presint 1
62590 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel: 03-8892 4556

NutritionistKKM